

27 JUN 1998

KLIA : APA KATA MEREKA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Petikan menarik mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang dirasmikan hari ini:

"Perasmian KLIA adalah satu kejayaan besar dalam langkah Malaysia menuju pembangunan bermakna. Ia bukti nyata kepada wawasan negara untuk abad akan datang -- satu wawasan yang merangkumi pertumbuhan dan kemajuan dalam pembangunan berterusan."

-- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

"KLIA akan menjadi pengukur bagi semua lapangan terbang di masa depan. Nampaknya, Malaysia jauh lebih ke hadapan daripada lapangan terbang lain yang sedia ada, malahan lapangan terbang yang sedang dibina. Rakyat Malaysia seharusnya bangga dengan pembinaan infrahstruktur yang mengagumkan ini."

-- Jack Adelman, Penolong Pengarah Perkhidmatan Lapangan Terbang, Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA)

"KLIA bukan sekadar satu lagi infrahstruktur pengangkutan, ia adalah pelaburan yang menjamin bahawa Kuala Lumpur akan menjadi pintu masuk yang berjaya dalam abad ke 21.

-- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"KLIA adalah satu karya agung daripada segi seni bina dan alam semula jadi. Cabaran kepada kita ialah membawa suasana sesuai kepadanya untuk menjadi lambang kepada penggunaannya di masa depan, didokong oleh kemesraan yang hanya boleh didapati di Malaysia."

-- Tan Sri Basir Ismail, pengerusi Malaysia Airports Berhad yang menguruskan KLIA.

"Bagi kebanyakan kami, ia satu peluang seumur hidup dan keistimewaan yang akan sentiasa menjadi kenang manis. Cabaran seperti ini mungkin tidak akan berulang seumur hidup kami."

-- Datuk Jamilus Hussein, pengarah urusan KL International Airport Berhad (KLIAB) yang membina lapangan terbang itu dalam tempoh empat setengah tahun, satu rekod.

-- BERNAMA

TM MAI